

26 APR 1997

PEMUDA UMNO KUKUHKAN HUBUNGAN PEMIMPIN MUDA M'SIA-LIBYA

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Pemuda Umno akan mengadakan program pertukaran pemimpinnya ke Libya bagi menterjemahkan persefahaman yang telah dibuat bekas ketua pergerakan Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Menteri Pendidikan Libya Ahmad Ibrahim 10 tahun lalu.

Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan merangka program bersama bagi tujuan itu.

Sebelum itu beliau menerima kunjungan hormat Setiausaha Agung Sekretariat Hubungan Luar dan Kerjasama Antarabangsa Libya Dr Salem L Salem di ibu pejabat Pemuda di sini.

Persediaan kini dibuat bagi menghantar pemimpin Pemuda ke Libya dalam tempoh sebulan dua lagi, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno.

Semasa pimpinan Najib, katanya kira-kira 120 pelajar Libya telah dibawa masuk untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa.

Mengenai Sambutan Ulangtahun Ke-51 Umno 11 Mei ini, Ahmad Zahid berkata Pemuda akan menganjurkan satu forum perdana yang dijadual dihadiri Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menyampaikan ucapan utama. --

BERNAMA

MS RON